

Kabinet setuju cadangkan SPR syaratkan 3 ciri layak mengundi

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mendedahkan **kehadiran** pengundi hantu daripada **sema-**kan yang dibuat ke **atas** senarai daftar pemilih yang digunakan **pada** pilihan **raya kecil Dewan** Undangan Negeri Anak Bukit dan Parlimen Pendang di Kedah baru-baru ini.

Dr. Mahathir yang membangkitkan perkara itu selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO menegaskan:

“Hanya dengan menyemak **empat peti** undi sahaja (daripada 14 **peti undi**) di Anak Bukit didapati lebih 500 pengundi bukan orang kawasan itu, tidak dilahir dan tidak **bekerja** di Anak Bukit tetapi menjadi pengundi **dengan alamat kam-**pung sahaja, tidak **ada nombor rumah.**”

Berikutan pengesahan SPR itu, **Pesu-**ruhjaya Pas **Kedah, Azizan** Abdul Razak mengakui Pas memang melakukan **pe-**mindahan **para** pengundinya dari satu kawasan ke kawasan sasaran sebagai strategi menawan Kedah.

Menurut beliau, pelan tindakan itu memang terkandung dalam kertas kerja bertajuk ‘Tahun Tawan Kedah 2003’ atau 2TK yang diputuskan di seminar Pas **pada** tahun 2000.

Mengulas lanjut, Rais berkata, **sebe-**lum **ini** kerajaan tidak pernah **memikir-**kan syarat-syarat lebih ketat untuk menjadi pemilih tetapi apabila **memikir-**kan risikonya terhadap prinsip **demo-**krasi, tindakan sesuatu perlu diambil.

Dalam hubungan **ini**, tegas beliau, jika SPR menimbangkan cadangan Kabinet itu, tindakan susulan **mungkin** akan **me-**libatkan penelitian oleh Jawatankuasa Penyelarasan Undang-Undang.

Ditanya **sama ada** persetujuan SPR nanti **mungkin** melibatkan pindaan **ak-**ta, Rais berkata:

“**Ia mungkin** membabitkan pindaan Akta Pilihan **Raya** 1958,” katanya.

Dalam **pada** itu, Rais berkata, **Badan** Perhubungan UMNO Kedah telah **me-**nyerahkan kepadanya senarai 1,300 **pe-**ngundi BN di Pendang yang dikeluarkan oleh pihak tertentu dari **daftar** pemilih.

Katanya, turut disertakan ialah 500 pengundi import di Anak **Bukit**.

Tegasnya: “Senarai itu dikeluarkan kepada **saya** dan kedua-duanya **baru sa-**haja disampaikan kepada Setiausaha Pilihan **Raya** untuk diambil tindakan mengikut peraturan 25 Akta Perjalanan Pilihan **Raya** 1981.

“Terserah kepada **pendaftar** pemilih yang berkuasa membuat siasatan **sete-**lah menerima aduan berlaku peralihan pengundi.”